Ops Pembersihan di Pasar Borong Selayang

DBKL roboh struktur haram

FAKTA
35 pengusaha akur notis roboh sendiri

>>Oleh Mohd Fadly Samsudin
fadly@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Tujuh struktur tambahan yang dibina di tepi bangunan Pasar Borong Kuala Lumpur di sini dirobohkan dalam Ops Pembersihan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), semalam kerana tidak mendapat kelulusan Unit Perancang DBKL.

Operasi itu diadakan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan beberapa jabatan DBKL antaranya Perancang, Kesihatan, Perlesenan, Bangunan serta Pembersihan Bandar.

Timbalan Pengarah (Operasi) Jabatan Keselamatan dan Penguatkuasaan DBKL, Ab Salim Mansor, berkata kebanyakan premis lengang berikutan pengusaha sudah mengetahui lebih awal kedatangan pihak berkuasa namun masih ada segelintir peniaga cuba mencabar kewibawaan DBKL.

"Kita terpaksa roboh tujuh struktur tambahan yang dibina di tepi bangunan yang tidak mendapat kelulusan Unit Perancang DBKL. Walaupun notis sudah dikeluarkan sebelum ini, tetapi arahan tidak diendahkan pengusaha berkenaan.

"Namun seramai 35 pengusaha akur dengan notis yang dikeluarkan dan mereka mengambil tindakan dengan meroboh sendiri struktur tambahan terbabit," katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Menurut Ab Salim, pengusaha itu sebenarnya tidak mendapat kelulusan untuk menjalankan perniagaan borong kerana ia mendapat tentangan daripada peniaga pasar borong bersebelahan.

"Mengikut undang-undang mereka tidak boleh menyamai perniagaan pasar borong yang menjual produk sayur-sayuran, buah-buahan dan daging.

"Perniagaan hanya sah jika mereka berada di luar lingkungan dua kilometer daripada kawasan pasar borong berkenaan dan di Pusat Bandar Utara ini, peniaga hanya dibenarkan menjual produk borong seperti tekstil," katanya.

Sementara itu, sebanyak lima kontena yang diletakkan di tepi jalan disita kerana menghalang laluan.

Kontena berkenaan dijadikan sebagai bilik sejuk beku sayuran dan buah-buahan.

"Pemilik boleh mengambil semula barangan disita dengan caj sebanyak RM1,200, namun jika kesalahan berulang, nilai caj akan ditingkatkan," katanya.

ANGKUT...kontena yang dijadikan bilik sejuk beku disita kerana menghalang laluan.

PERPUSTAKAAN DIGITAL KOLEKSI DIGITAL PERPUSTAKAAN